From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 16 February, 2023 9:32:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENANDARASAN BERSAMA UNIVERSITI MALAYA DAN TAYLOR'S UNIVERSITY MANTAPKAN UNIT PRAKTIKUM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2023 / 25 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Disediakan oleh: Unit Praktikum, JHEA

PENANDARASAN BERSAMA UNIVERSITI MALAYA DAN TAYLOR'S UNIVERSITY MANTAPKAN UNIT PRAKTIKUM













UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Unit Praktikum Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) telah mengadakan Program Penandaarasan bersama Universiti Malaya dan Taylor's University, baru-baru ini.

Memilih universiti awam dan swasta terbaik di Malaysia, penandaarasan ini telah berjaya memberi input yang berguna kepada kakitangan Unit Praktikum bagi memantapkan perkhidmatan sedia ada.

Kunjungan Penandaarasan Unit Praktikum JHEA ke Universiti Malaya disambut oleh Pengarah Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITrA), Dr. Ponmalar N Alagappar.

Dalam penandaarasan ini, Dr. Ponmalar telah membentangkan dan berkongsi proses kerja pengurusan praktikum Universiti Malaya. Selain itu, isu-isu yang sering berlaku melibatkan pelajar praktikum turut dibincangkan bersama bagi mencari solusi yang terbaik.

Dalam penandaarasan tersebut, Dr. Ponmalar turut memuji sistem permohonan penempatan praktikum UUM yang dikenali sebagai *Online Nomination Company E-system* (ONCE) sebagai satu sistem yang komprehensif dan terkehadapan.

Sementara itu, kunjungan penandaarasan Unit Praktikum ke Taylor's University disambut oleh Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kerjaya (Pengurusan Latihan Industri), Mohd Khairul Hazreen Harun bersama Ketua Jabatan Sumber Kerjaya dan Perhubungan Majikan, Industri Global dan Penglibatan Pelajar, Izwan Mazlan dan Ketua Jabatan Perkhidmatan Kerjaya, Industri Global dan Penglibatan Pelajar, Raja Edriana Baizura.

Raja Edriana turut berkongsi penggunaan sistem permohonan praktikum yang digunakan oleh Taylor's iaitu '*Students Employability, Enhancement and Development System'* (SEED) yang menjadi platform antara pelajar, universiti dan industri bagi permohonan menjalani praktikum. Sistem tersebut boleh diakses oleh ketiga-tiga pihak.

Di samping itu, beliau turut memperkenalkan Unit Praktikum bersama Camelia Loh yang merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif KABEL *Apps* di mana Camelia telah memberi penerangan berkaitan aplikasi KABEL yang merupakan aplikasi terkini bagi suai padan permohonan kerjaya/praktikum bersama industri.

Sistem ini menggunakan kaedah yang sama seperti applikasi OMI yang menemukan pekerjaan yang sesuai dengan individu. Pelajar boleh mengisi maklumat peribadi yang seterusnya dijana sebagai *'resume'* dan terus berhubung dengan majikan. Proses temuduga akan dilakukan melalui aplikasi tersebut dan karnival kerjaya turut diadakan secara virtual menerusi aplikasi tersebut. Aplikasi ini telah digunakan oleh beberapa universiti termasuk Universiti Malaya dan Taylor's University yang mana turut menyumbang kepada kenaikan peratus *Graduate Employability (GE)* mereka. Pelajar boleh memuat turun aplikasi ini melalui *Play Store* dan *App Store*.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed

by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.